

Inovasi Sebagai Sumber Pertumbuhan Ekonomi

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Inovasi merupakan salah satu faktor penting untuk pertumbuhan ekonomi. Faktor ini menjadi lebih mustahak apabila sesuatu ekonomi meningkat kematangannya. Inovasi perlu untuk mengimbangi lain-lain faktor untuk menjana pertumbuhan ekonomi, seperti pengumpulan modal, penambahan tenaga kerja atau buruh dan termasuk juga peningkatan modal insan.

Jika kita imbau sejarah pertumbuhan ekonomi dunia, tidak keterlaluan jika inovasi dianggap sebagai faktor terpenting bertanggungjawab melonjakkan pertumbuhan sesebuah ekonomi. Umpamanya, pertumbuhan ekonomi yang pesat berlaku semasa Revolusi Perindustrian terutama di Great Britain pada akhir kurun ke18 dan kurun ke19. Revolusi ini dipelopori oleh penciptaan kuasa wap dan pertumbuhan kilang. Pengeluaran besar-besaran barangan pembuatan menjadi efektif disokong oleh konsep pembahagian buruh, di mana setiap pekerja menumpukan kepada pekerjaan yang berkaitan dengan kepakaran masing-masing. Sehubungan dengan itu, keperluan tenaga mahir turut berkembang.

Begitu juga revolusi komunikasi bertanggungjawab melonjakkan pertumbuhan banyak ekonomi dunia. Ini termasuk perkembangan pengangkutan dan telekomunikasi. Perkembangan lokomotif, perkapalan dan penerbangan telah memudahkan pengagihan sumber dan produk. Mobiliti faktor dan produk mempermudah pengkhususan dan perdagangan. Perkembangan telekomunikasi dan media telah menambahkan kecekapan proses. Bahkan perkembangan internet mampu menggantikan mobiliti buruh. Keseluruhannya, kesemua revolusi tersebut memerlukan inovasi. Hakikatnya, negara yang mempunyai tahap inovasi yang tinggi mampu meningkatkan produktiviti pengeluaran.

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

Untuk beberapa dekad yang lepas, Malaysia berjaya mengemudi ekonomi dengan pencapaian pertumbuhan yang memberangsangkan. Kunci utama adalah melalui pertumbuhan modal dan buruh. Pertumbuhan modal banyak dibantu oleh kemasukan pelaburan langsung asing (FDI). FDI mampu menyediakan peluang pekerjaan kepada umum di samping menggalakkan pemindahan teknologi ke dalam negara. Dalam pada itu tenaga kerja mempunyai tahap pendidikan yang agak baik. Kombinasi pertumbuhan kedua-dua faktor ini, modal dan buruh, di samping peningkatan modal insan melalui pendidikan mampu mengoptimumkan pengagihan sumber di dalam ekonomi.

Perlu diingat bahawa pertumbuhan ekonomi jangka panjang melalui peringkat yang berbeza. Pengurusan ekonomi untuk negara kurang maju, negara membangun dan negara maju juga berbeza. Sebagai sebuah negara membangun, pengumpulan modal dan peningkatan buruh mampu menjana pertumbuhan ekonomi yang tinggi untuk Malaysia beberapa dekad yang lepas. Namun, kaedah yang sama menjadi semakin kurang efektif apabila kita menghampiri tahap sebuah negara maju. Ini bukan sesuatu yang unik untuk Malaysia, bahkan ianya merupakan suatu norma di dalam pertumbuhan ekonomi. Di tahap ini keperluan kepada peningkatan teknologi, serta pembangunan modal insan yang setimpal, menjadi semakin penting. Justeru, keperluan kepada tahap inovasi yang tinggi menjadi penting untuk menjana pertumbuhan ekonomi yang berterusan.

Jika dilihat pada pertumbuhan produktiviti faktor menyeluruh (TFP) untuk tempoh 1990-2014, Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan sederhana tinggi mencatatkan pertumbuhan yang rendah jika dibandingkan dengan purata untuk negara-negara di dalam kategori berpendapatan sederhana tinggi. Untuk tempoh tersebut Malaysia mencatatkan pertumbuhan TFP 1.8% setahun, berbanding dengan purata negara-negara berpendapatan sederhana tinggi dunia dengan kadar pertumbuhan 2.3% setahun. Malah, pertumbuhan TFP makin rendah untuk jangka masa 2011-2015, iaitu pada kadar 1.1 peratus setahun. Bermakna jika keadaan ini berterusan, semakin sukar untuk Malaysia menjana pertumbuhan ekonomi yang mapan.

Bank Dunia, di dalam laporannya baru-baru ini melaporkan bahawa firma-firma Malaysia kurang terlibat di dalam inovasi berbentuk teknikal. Cuma 17 peratus firma

Malaysia melabur di dalam pembangunan teknologi berbanding dengan 27 peratus untuk keseluruhan negara-negara ASEAN. Walau bagaimanapun, firma-firma Malaysia lebih banyak melabur di dalam inovasi berbentuk organisasi dan komersial. 44 peratus dari firma Malaysia melabur di dalam inovasi organisasi dan komersial berbanding dengan 32 peratus untuk keseluruhan negara-negara ASEAN.

Maka kunci untuk meningkatkan pertumbuhan TFP negara supaya setanding dengan lain-lain negara berpendapatan sederhana tinggi, antara lain, adalah terletak di atas peningkatan pelaburan di dalam pembangunan teknologi. Firma-firma Malaysia perlu meningkatkan penglibatan di dalam inovasi teknikal. Ini adalah sumber pertumbuhan ekonomi akan datang sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi. Dalam pada itu, tenaga kerja juga perlu mempunyai kepakaran yang tinggi serta bersesuaian untuk mengendalikan inovasi teknikal.

Bank Dunia juga melaporkan bahawa terdapat perbezaan tahap produktiviti yang ketara di antara syarikat pembuatan besar dan kecil di Malaysia berbanding dengan negara-negara setanding yang lain. Justeru, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di dalam sektor pembuatan juga perlu meningkatkan tahap inovasi teknikal mereka. Pengurangan jurang tahap produktiviti antara firma besar dan kecil perlu untuk meningkatkan pertumbuhan TFP negara supaya setanding dengan lain-lain negara berpendapatan sederhana tinggi.

Untuk mencapai tahap negara berpendapatan tinggi, laporan Bank Dunia tersebut juga menyebut bahawa Malaysia perlu meningkatkan pertumbuhan TFP ke tahap 2.3 peratus setahun sambil diperkukuhkan dengan peningkatan tenaga kerja, pelaburan dan pertumbuhan modal insan. Sumber pertumbuhan produktiviti bergantung kepada peningkatan produktiviti di kalangan PKS. Justeru, peningkatan inovasi teknikal adalah penting. Manakala, peningkatan kadar penyertaan tenaga buruh di kalangan wanita merupakan salah satu kaedah penting untuk meningkatkan faktor buruh. Kadar penyertaan tenaga buruh wanita negara adalah 53.6 peratus pada tahun 2014 berbanding dengan 80.4 peratus untuk lelaki.